



**KENYATAAN MEDIA
MENGENAI
MESYUARAT KALI PERTAMA
MAJLIS EKONOMI DIGITAL DAN 4IR NEGARA
10 NOVEMBER 2020**

YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Hj Mohd Yassin hari ini telah mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara, menerusi sidang video.

Majlis ini adalah tadbir urus tertinggi dalam menetapkan dasar, pelaksanaan serta pemantauan strategi dan inisiatif ekonomi digital dan 4IR di Malaysia. Penubuhan Majlis ini sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan pembangunan ekonomi digital di Malaysia adalah bersifat inklusif dengan memanfaatkan sepenuhnya potensi teknologi 4IR.

YAB Perdana Menteri semasa mempengerusikan mesyuarat menekankan bahawa digitalisasi adalah satu budaya yang kini menjadi antara norma baharu yang perlu diurusperdanakan di semua peringkat termasuk dalam sektor kerajaan, swasta dan masyarakat. Justeru, perancangan, penyelarasan dan pemantauan dasar di peringkat kebangsaan adalah amat penting serta perlu diberi perhatian.

Pandemik COVID-19 menuntut Kerajaan mempercepatkan pembangunan teknologi 4IR dan pelaksanaan ekonomi digital. Sehubungan itu, negara memerlukan suatu dasar yang jelas, usaha dan tindakan bersepadu serta kerjasama yang erat antara semua pihak atau whole-of-nation approach.

Majlis ini yang turut dianggotai oleh Menteri-Menteri Kabinet berkaitan, wakil sektor awam, sektor swasta, industri dan akademia akan menerajui usaha untuk mengekalkan kelestarian pembangunan Negara dalam arus kemajuan global yang secara umumnya semakin menjurus kepada pendigitalan intensif merentas segala aspek ekonomi dan kehidupan.

Sebanyak 6 kluster telah dikenal pasti sebagai komponen penggerak agenda ekonomi digital dan 4IR yang akan dipengerusikan oleh menteri berkaitan. Kluster tersebut adalah:

- I. Ekonomi (dipengerusikan oleh YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri);
- II. Bakat Digital (dipengerusikan oleh YB Datuk Seri M Saravanan, Menteri Sumber Manusia);
- III. Masyarakat (dipengerusikan oleh YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat);
- IV. Infrastruktur Digital dan Data (dipengerusikan oleh YB Dato' Saifuddin Abdullah, Menteri Komunikasi dan Multimedia);
- V. Teknologi Baru Muncul (dipengerusikan oleh YB Khairy Jamaluddin Abu Bakar, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi); dan
- VI. Kerajaan (dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara).

Sebuah Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh YB Dato' Seri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) juga diwujudkan untuk memacu kolaborasi antara pelbagai kementerian dan agensi serta pihak swasta dalam merealisasikan agenda ekonomi digital dan 4IR yang berpandukan halatuju pihak Majlis. Semua Ketua Setiausaha / Ketua Pengarah yang terbabit dengan keenam-enam kluster dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pemandu mewakili Pengerusi Kluster masing-masing.

Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara akan mengambil alih peranan hampir semua jawatankuasa berkaitan digital dan teknologi yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri sebelum ini. Selain itu, semua majlis, jawatankuasa dan pasukan petugas digital dan teknologi yang dipengerusikan oleh menteri, pegawai kanan kementerian dan agensi akan diselaras atau digabungkan di bawah enam kluster yang baru diwujudkan.

Penubuhan Majlis ini dengan struktur tadbir urus yang bersepadu bakal meningkatkan keupayaan negara dalam mengoptimumkan perkembangan teknologi 4IR dan memastikan pertumbuhan ekonomi digital sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Agenda Pembangunan Mampan 2030.

PEJABAT PERDANA MENTERI

10 NOVEMBER 2020